

## 2 juta belia bakal terima kredit e-tunai RM150 pertengahan April ini

BERNAMA

Kuala Lumpur: Sekitar dua juta belia bakal menerima kredit e-tunai sebanyak RM150 setiap seorang menerusi inisiatif e-Pemula yang akan bermula pertengahan April ini.

Kementerian Kewangan dalam kenyataan hari ini memaklumkan belia yang layak bakal menerima manfaat itu melalui aplikasi e-dompet yang terpilih iaitu BigPay, GrabPay, ShopeePay dan Touch 'n Go eWallet.

"Buat masa ini, keempat-empat penyedia perkhidmatan e-dompet berkenaan mempunyai jaringan peniaga runcit melebihi 1.2 juta," menurut kenyataan itu.

Peniaga perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang belum berdaftar untuk menerima bayaran secara elektronik atau tanpa tunai disaran berbuat demikian dengan penyedia perkhidmatan e-dompet yang terbabit bagi mendapatkan manfaat daripada pelaksanaan inisiatif itu.



GAMBAR hiasan

Disiarkan pada: Mac 31, 2022 @ 7:47pm